



21 APR, 2026

Tawar penjimatan sehingga 30peratus

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Selayang: Program Jualan Agro MADANI (JAM) terus menjadi antara inisiatif utama kerajaan dalam menangani kos sara hidup apabila menawarkan penjimatan sehingga 30 peratus kepada pengguna, selain memperkukuh rantaian bekalan agromakanan negara.

Edisi khas berkenaan menghimpunkan 30 usahawan tempatan yang menawarkan pelbagai produk termasuk ayam, daging, hasil laut, sayur-sayuran serta buah-buahan segar pada harga lebih rendah berbanding pasaran.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Abdul Rashid Bahri berkata, program itu bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna, malah meningkatkan pendapatan usahawan melalui konsep jualan terus dari ladang kepada pengguna.

"Pendekatan ini membantu memastikan rantai pemasaran lebih cekap dan telus, sekali gus memberi impak positif kepada kedua-dua pihak," katanya kepada media selepas merasmikan JAM dengan tema 'Kerja Kahwin Johor' di sini,



ABDUL Rashid (tengah) membuat lawatan ke gerai menjual nanas pada program JAM edisi Johor di Pejabat FAMA, Bandar Baru Selayang.

PROGRAM JUALAN AGRO MADANI

Tawar penjimatan sehingga 30%

semalam.

Sejak diperkenalkan pada Januari tahun lalu, JAM sudah mencatatkan jualan terkumpul kira-kira RM2.059 juta setakat Mac lalu.

Abdul Rashid berkata, program JAM juga menyokong agenda keterjaminan makanan negara dengan memperluas akses kepada bekalan segar pada harga berpatutan serta mengurangkan kebergantungan

kepada orang tengah.

Program berkenaan menyasarkan kira-kira 2,000 pengunjug dengan nilai jualan sekitar RM100,000, manakala jumlah penjimatan kepada pengguna dianggarkan mencecah RM30,000.

Dalam masa sama, setiap usahawan dijangka meraih peningkatan pendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000 sepanjang program berlangsung.

Mengulas isu semasa, beliau berkata, setakat ini kenaikan harga diesel tidak memberi kesan ketara kepada harga makanan memandangkan subsidi kerajaan kepada petani dan pengedar membantu mengekalkan kestabilan bekalan serta harga.

"Bekalan makanan mencukupi dan harga kekal stabil, malah kami sentiasa memastikan harga bekalan terkawal," katanya.



21 APR, 2026

Tawar penjimatan sehingga 30peratus

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PROGRAM JUALAN AGRO MADANI

Selayang: Program Jualan Agro MADANI (JAM) terus menjadi antara inisiatif utama kerajaan dalam menangani kos sara hidup apabila menawarkan penjimatan sehingga 30 peratus kepada pengguna, selain memperkukuh rangkaian bekalan agromakanan negara. Edisi khas berkenaan menghimpunkan 30 usahawan tempatan yang menawarkan pelbagai produk termasuk ayam, daging, hasil laut, sayur-sayuran serta buah-buahan segar pada harga lebih rendah berbanding pasaran.